# HUBUNGAN MALAYSIA-MESIR (1957-1970)

LEONIE ALCINA JOSEPH

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SAINS SOSIAL

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN MALAYSIA-MESIR (1957-1970)

IJAZAH : SARJANA

Saya LEONIE ALCINA JOSEPH, Sesi Pengajian 2007-2012, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐ SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐ TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☑ TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

(Tandatangan Penulis)

Alamat Tetap:
Peti Surat 723,
89007 Keningau, Sabah

Tarikh: 19 Disember 2012

(Tandatangan Pustakawan)

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROF. MADYA DR. ASMADY IDRIS
(Penyelia)

DR. ASMADY IDRIS
Pensyarah Hubungan Antarabangsa
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Disember 2012

Leonie Alcina Joseph

PA2007-8253



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **LEONIE ALCINA JOSEPH**

NO MATRIKS : **PA2007-8253**

TAJUK : **HUBUNGAN MALAYSIA-MESIR (1957-1970)**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA (HUBUNGAN ANTARABANGSA)**

TARIKH VIVA : **09 JULAI 2012**

**DISAHKAN OLEH**

**1. PENYELIA**

Prof. Madya. Dr. Asmady Idris — Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Tuhan kerana limpah kurniaNya yang telah membantu saya menyelesaikan kajian ini.

Pada kesempatan ini juga ingin saya hulurkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Asmady Idris. Penyelia banyak memberikan petunjuk, panduan, nasihat, teguran, sokongan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya, tanpa dorongan dan nasihat darinya belum tentu saya dapat melahirkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan turut ingin saya luahkan kepada Prof Dr. Mohammad Redzuan Othman, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Seterusnya, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada En. Wan Shawaludin Bin Wan Hassan dan rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Suzineh, Norlizawati, Intan dan Satrya yang turut memberikan bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Tidak dilupai, ucapan ribuan terima kasih kepada mana-mana pihak yang telah tertinggal dari sebutan untuk segala bantuan dan kerjasama yang telah anda berikan yang membawa kepada penghasilan kajian ini.

Akhir kata penghargaan istimewa buat kedua ibu-bapa saya yang sentiasa mengikuti perkembangan alam pendidikan saya. Buat *Daddy* iaitu En. Joseph Anggang serta *Mummy*, Pn. Lucia Gompuk atas sokongan moral, kewangan, kasih sayang serta berkat doa maka terhasillah kajian ini. Semoga Tuhan memberkati anda semua.

**Leonie Alcina Joseph**
**19 Disember 2012**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ABSTRAK

Tesis ini membincangkan tentang hubungan Malaysia dan Mesir bermula pada tahun 1957 hingga 1970. Tidak dapat dinafikan bahawa pada era ini, ia merupakan pertembungan ideologi yang amat berpengaruh dalam menentukan pola sistem politik antarabangsa dan hubungan antara negara-negara. Dua ideologi tersebut ialah blok demokrasi-liberal yang diketuai oleh Amerika Syarikat-Eropah Barat, dan blok Komunis-Sosialis yang ditunjangi oleh Soviet Union-Eropah Timur. Pertembungan dua blok ideologi ini juga digelar sebagai Perang Dingin ataupun era bipolar. Merujuk kepada Neo-Realisme, pada era ini, tatacara dan hubungan negara-negara akan terbahagi atau berada di bawah pengaruh kedua-dua blok ini. Negara-negara seakan-akan tidak mempunyai pilihan atau alternatif dalam menentukan hala tuju mereka. Dalam kajian kes ini, Malaysia dan Mesir adalah tidak terkecuali. Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang rapat dengan blok demokrasi-liberal berbanding blok Komunis-Sosialis. Namun, selepas berlakunya Krisis Terusan Suez, Mesir telah menukar hala tuju politiknya dengan menjadi lebih erat dengan Soviet Union. Hubungan Mesir dan Amerika Syarikat telah menjadi renggang. Tindakan Mesir ini walaubagaimanapun tidak menjejaskan hubungan Malaysia-Mesir. Hal ini kerana, situasi atau elemen keperluan domestik Malaysia seperti ekonomi dan hubungan sosial terus teguh mempertahankan hubungan Malaysia-Mesir pada era ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ***ABSTRACT***

## ***MALAYSIA-EGYPT RELATIONS (1957-1970)***

*This paper examines Malaysia-Egypt relations from 1957 until 1970. Overwhelmed by the Cold War syndrome, states have little choice in shaping their own foreign policies. They are succumbed to the influence of the two blocs; the US-West democratic bloc and the Soviet-Socialist bloc. In this case, Malaysia and Egypt are also not exceptional. Both countries had closer relations with the US-West democratic bloc, and seemingly did not have autonomy in determining the direction of their own foreign policies. However, since the eruption of the Suez Canal Crisis, Egypt broke off its diplomatic relations with the US, while President Gamal Abdel Nasser strengthened his country's relations with the Soviet Union. Despite Nasser's move, Tunku Abdul Rahman kept Malaysia-Egypt relations intact due to the fulfillment of domestic and international necessities.*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **TAJUK** | | i |
| **PENGAKUAN** | | ii |
| **PENGESAHAN PENYELIA** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| ***ABSTRACT*** | | vi |
| **SENARAI KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI SINGKATAN** | | x |
| **SENARAI GAMBAR/ILUSTRASI** | | xi |
| **BAB 1:** | **PENGENALAN** | 1 |
| 1.0 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.1 | Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.2 | Objektif | 4 |
| 1.3 | Pendekatan Teori | 5 |
| 1.4 | Sorotan Literatur | 8 |
| 1.5 | Metod Kajian | 10 |
| 1.6 | Skop Kajian | 11 |
| 1.7 | Struktur Pembahagian Bab | 11 |
| **BAB 2:** | **PENDEKATAN KERANGKA TEORI** | 13 |
| 2.0 | Pendahuluan | 13 |
| 2.1 | Struktur Politik Antarabangsa: Perbincangan Secara Teoritikal | 14 |
| | 2.1.1 Neo-Realisme | 14 |
| | 2.1.2 Neo-Liberalisme | 20 |
| | 2.1.3 Konstruktivisme | 21 |
| | 2.1.4 Realisme Neo-Klasik | 24 |
| 2.2 | Teori Realisme Neo-Klasik dan Hubungan Malaysia-Mesir era Tunku Abdul Rahman | 28 |
| 2.3 | Pembentukan Model Teoritikal Hubungan Malaysia-Mesir | 31 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.4 Kesimpulan 36

**BAB 3: HUBUNGAN AWAL MALAYSIA DENGAN MESIR** 38
3.0 Pengenalan 38
3.1 Perdagangan 39
3.2 Agama 44
3.3 Pendidikan 52
3.4 Kesimpulan 54

**BAB 4: REAKSI MALAYSIA DAN MESIR TERHADAP SINDROM PERANG DINGIN** 57
4.0 Pengenalan 57
4.1 Dasar Luar Malaysia Di Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970) 58
4.2 Dasar Luar Mesir Di Era Jamal Abdul Nasser (1953-1970) 67
4.3 Kesimpulan 73

**BAB 5: HUBUNGAN MALAYSIA-MESIR DALAM KONTEKS KEPERLUAN DOMESTIK PEMBOLEHUBAH "*INTERVENING*"** 76
5.0 Elemen Keperluan Domestik 76
5.1 Hubungan Diplomatik (Idiosinkratik) 76
5.2 Hubungan Ekonomi dan Perdagangan 85
5.3 Hubungan Sosio-Budaya 94
5.3.1 Pendidikan 95
5.3.2 Keagamaan 107
5.4 Kesimpulan 116

**BAB 6: KESIMPULAN** 118

**RUJUKAN** 124

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1

Perjanjian Perdagangan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Arab Bersatu (UAR)

1) Jadual A [Barang eksport Republik Arab Bersatu]
2) Jadual B [Barang eksport Persekutuan Tanah Melayu]



UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Lampiran 2

Jadual Import dan Eksport Tanah Melayu (Malaysia) bermula
Pada tahun 1963-1970



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ***AAPSO*** | *Afro-Asian Peoples' Solidarity Organization* |
| ***AMDA*** | *Anglo-Malayan Defence Agreement* |
| ***ASEAN*** | *Association of Southeast Asian Nations* |
| ***CIF*** | *Cost, Insurance & Freight* |
| **D.Y.M.M** | Duli Yang Maha Mulia |
| ***FOB*** | *Free on Board* |
| **IPI** | Ikatan Pelajar-Pelajar Indonesia |
| **JAKIM** | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| ***NAM*** | *Non-Aligned Movement* |
| ***NGO*** | *Non-Governmental Organization* |
| ***OIC*** | *Organization of Islamic Conference* |
| **PBB** | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| **PERPINDOM** | Persatuan Indonesia-Malaya |
| ***PLO*** | *Palestine Liberation Organization* |
| **PMI/PERMI** | Persatuan Muslimin Indonesia |
| **PMM** | Persekutuan Melayu Mesir |
| **PMRAM** | Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir |
| **PMS** | Persatuan Melayu Selangor |
| ***SEATO*** | *Southeast Asia Treaty Organization* |
| **SOLIDARITA** | Gabungan Mahasiswa Asia Tenggara di Lembah Nil |
| ***UMNO*** | *United Malays National Organization* |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBAR


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Gambar 5.1 | Yang Di Pertuan Agong sempena Lawatan Ke Republik Arab Bersatu. Bertukar Bintang Kebesaran Dengan Presiden Jamal Abdul Nasser di Kaherah pada 17 April 1965 | 81 |
| Gambar 5.2 | Yang DiPertuan Agong sempena Lawatan Ke Republik Arab Bersatu. Istiadat Penghantaran Oleh Rombongan Diraja di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 02 April 1965 | 82 |
| Gambar 5.3 | Lawatan oleh Delegasi Malaysia ke Republik Arab Bersatu. Delegasi ini diketuai oleh Encik Mohamed Khir Johari, Kuala Lumpur; 14 Disember 1959 | 101 |
| Gambar 5.4 | Menteri Pendidikan Malaysia, Encik Mohd. Khir Johari, melancarkan Bekalan Tetap Kepada Pelajar Malaysia di Kaherah pada 13 Oktober 1965 | 103 |
| Gambar 5.5 | Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Bersama dengan lapan Orang Pelajar Dari Malaysia Barat yang Akan Melanjutkan Pengajian Di Universiti al-Azhar, Kaherah. Kuala Lumpur; 03 November 1969 | 105 |
| Gambar 5.6 | Pengarah Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Islam, Republik Arab Bersatu iaitu Tuan Taufik Owedha Mengunjungi Tunku Abdul Rahman Putra Di Residensi, Kuala Lumpur pada 22 Februari 1967. | 115 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.0 Latar Belakang Kajian

Pada amnya, hubungan Tanah Melayu[1] (atau lebih dikenali sebagai Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1963) dengan negara-negara Islam di Asia Barat dan Afrika adalah agak terhad. Boleh dikatakan hanya dua buah negara Islam sahaja yang menjadi tumpuan utama Malaysia iaitu; Arab Saudi dan Republik Arab Mesir sejak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi.[2] Arab Saudi dilihat rapat dengan Malaysia kerana pengurusan haji dan hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan serta pendidikan. Hubungan dengan Mesir pula melibatkan hal-ehwal keagamaan dan pendidikan sebagai yang utama.[3] Memandangkan kajian kes ini menganalisis tentang hubungan Malaysia dan Mesir era 1957-1970, maka adalah penting bagi penulis untuk menerangkan secara ringkas hubungan awal kedua-dua negara yang bermula dengan aktiviti perdagangan dan perkembangan agama Islam.

Dimensi hubungan awal Malaysia dan Mesir boleh dibahagikan secara kasar kepada dua fasa; fasa pertama menunjukkan bahawa hubungan ini terjalin dengan wujudnya aktiviti perdagangan yang memberangsangkan antara kedua-dua negara, dan fasa kedua pula memperlihatkan perkembangan hubungan ini dalam aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan dan pendidikan. Merujuk kepada fasa pertama, hubungan ini terjalin berdasarkan kepada interaksi perdagangan antara Tanah Melayu dan Mesir di sekitar abad ke-15 dan awal abad ke-16. Di sepanjang tempoh tersebut, para pedagang Mesir telah membentuk koloni dagangan yang besar berbanding dengan pedagang-pedagang yang lain di pelabuhan Melaka. Selain

---

[1] Nama negara Malaysia digunakan oleh penulis selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Tahun-tahun sebelum pembentukan Malaysia dirujuk sebagai Tanah Melayu yang merdeka bermula pada tahun 1957.
[2] Mokhtar A. Kadir, *Keamanan Sejagat, Peranan Malaysia Dalam Politik Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, hlm. 81.
[3] *Ibid.*, hlm. 81.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

daripada itu, para pedagang dari Mesir telah meluaskan aktiviti perdagangan mereka bermula dari India, ke Semenanjung Tanah Melayu sehinggalah ke China.[4] Kemakmuran perdagangan yang dicapai oleh masyarakat Mesir ini telah berlaku pada era pemerintahan Kerajaan Fatimiyah (979-1175) dan Kerajaan Ayyubiah (1175-1250).[5] Namun begitu, hubungan ini mula terjejas pada akhir abad ke-15 dengan kehadiran kuasa kolonial Portugis yang telah meranapkan pengaruh dan monopoli para pedagang Arab di Timur Tengah. Hubungan yang terjejas ini kemudiannya terjalin semula pada akhir abad ke-19. Era ini menandakan fasa kedua hubungan antara Tanah Melayu dan Mesir yang berkembang dengan kehadiran para pelajar dan intelektual Melayu di bumi Mesir sebagai destinasi untuk melengkapkan ilmu keagamaan mereka setelah tamat pembelajaran awal di Mekah. Interaksi ini juga telah membuatkan pengaruh Islam, bidang kesusasteraan dan politik pembangunan Melayu Mesir bergiat dengan lebih aktif seawal abad ke-20.[6]

Bagi kajian kes tesis ini, perbincangan akan lebih memfokus kepada hubungan Malaysia dengan Mesir sekitar era 1957-1970 iaitu semasa di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman (1957-1970). Penulis ingin memberikan tumpuan utama era ini kerana didapati bahawa hubungan Malaysia-Mesir yang masih terjalin dengan baik di era kepimpinan Tunku adalah juga seiring dengan kemuncak sindrom Perang Dingin yang tercetus sejak Perang Dunia Kedua berakhir. Seperti yang telah dimaklumi bahawa berdasarkan kepada pandangan Neo-Realisme, Perang Dingin atau lebih dikaitkan dengan struktur politik antarabangsa yang bersifat anarki akan sentiasa mempengaruhi tatacara dan hubungan negara-negara di pentas antarabangsa.[7] Negara-negara

---

[4] Mohd. Sidin Ahmad Ishak dan Mohammad Redzuan Othman, *The Malay In the Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000, hlm. 45.
[5] *Ibid.*, hlm. 45.
[6] *Ibid.*, hlm. 46.
[7] Andaian ini adalah berdasarkan kepada pendekatan Neo-Realisme yang membincangkan tentang peranan struktur dalam menentukan tatacara negara dalam sistem politik antarabangsa. Menurut teori ini juga, struktur sistem akan mempengaruhi interaksi antara unit iaitu; negara dan kesan daripada interaksi tersebut. Struktur antarabangsa yang merujuk kepada *'ordering principle'* iaitu anarki dan pengagihan keupayaan antara negara wujud daripada interaksi ini dan seterusnya menyekat negara-negara tersebut daripada mengambil tindakan tertentu serta hanya berpandukan kepada struktur sistem yang telah ditentukan. Kenneth N. Waltz, 1990, "Realist Thought and Neorealist Theory", *Journal of International Affairs*, **44**(1):21-37.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(khususnya negara-negara yang lemah) seakan tidak diberikan ruang dan pilihan dalam menentukan halatuju dasar luar dan bentuk hubungan mereka sendiri. Mereka juga akan lebih cenderung untuk membentuk ikatan-gabungan yang kuat dengan mana-mana negara yang berkuasa besar.[8] Begitu jugalah halnya dengan Malaysia dan Mesir yang diandaikan tidak dapat mengelakkan diri daripada belenggu dan pengaruh perseteruan semasa era Perang Dingin antara blok kapitalis barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat dan blok Sosialis-Komunis yang diterajui oleh Soviet Union. Ini dapat dilihat apabila kedua-dua negara ini menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan blok kapitalis barat berbanding dengan blok Sosialis-Komunis. Akan tetapi sejak tercetusnya Krisis Terusan Suez pada tahun 1956, hubungan Mesir dengan blok kapitalis barat khususnya Amerika Syarikat telah menjadi renggang. Keadaan menjadi lebih tegang apabila kepimpinan Jamal Abdel Nasser (Perdana Menteri Mesir ketika itu) telah beralih arah ke blok Sosialis-Komunis. Mesir telah memperkukuhkan hubungannya dengan negara Soviet Union.

Dengan mengambilkira sindrom Perang Dingin ataupun elemen struktur politik antarabangsa dan hubungan keruh Mesir dengan blok barat sewajarnya juga ia akan memberikan implikasi terhadap hubungan Malaysia-Mesir. Walau bagaimanapun, apa yang jelas ialah Malaysia masih mampu untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan Mesir. Malah, tahap hubungan kedua-dua negara tidak terjejas dengan beralihnya Mesir ke dalam blok Sosialis-Komunis. Senario tidak terjejasnya hubungan bilateral ini lebih banyak dikaitkan dengan kepentingan nasional, terutamanya Malaysia, yang menjadikan Mesir sebagai antara negara terpenting untuk memenuhi keperluan negara Malaysia khasnya dalam aspek agama, pendidikan dan ekonomi. Oleh yang demikian, hal inilah yang akan dibincangkan dalam tesis ini iaitu cuba menjelaskan sejauhmana interaksi pengaruh struktur politik antarabangsa dan keperluan domestik sesebuah negara boleh mempengaruhi tahap hubungan Malaysia dengan Mesir.

---

[8] Robert Jackson & Georg Sorensen, *Introduction to International Relations*, Oxford: Oxford University Press, 2003, hlm. 51.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.1 Permasalahan Kajian

Seperti yang telah dimaklumkan, fokus utama tesis ini akan membincangkan tentang hubungan Malaysia dan Mesir dalam era kemuncak Perang Dingin di bawah pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang bermula dari tahun 1957 hingga tahun 1970. Ia menjelaskan bagaimana suasana ketegangan Perang Dingin seperti yang diutarakan oleh Neo-Realisme khususnya Waltz[9] dalam konteks struktur politik antarabangsa, berupaya mempengaruhi hubungan antara sesebuah negara dengan yang lain termasuklah juga hubungan Malaysia dan Mesir. Namun demikian, dalam kajian ini didapati bahawa Malaysia dan Mesir masih mampu untuk mengekalkan hubungan yang baik antara mereka walaupun terdapat keretakan hubungan antara Mesir dengan Amerika Syarikat (blok demokrasi Barat) selepas tercetusnya Krisis Terusan Suez pada tahun 1956 dan juga terbentuknya jalinan akrab antara Mesir dengan seteru utama Washington, iaitu Soviet Union. Tanpa menafikan pengaruh struktur politik antarabangsa iaitu Perang Dingin terhadap tatacara dan hubungan antara negara, terutamanya negara-negara yang dianggap lemah seperti Malaysia dan Mesir, kedua-dua negara ini dilihat berupaya menentukan sebahagian besar daripada hala tuju dasar luar dan corak hubungan berasaskan kepada acuan mereka sendiri. Dalam perkataan lain, keupayaan kedua-dua negara khasnya Malaysia dalam melaksanakan kuasa autonomi yang ada adalah untuk memastikan keperluan dan kepentingan mereka terus terpelihara.

## 1.2 Objektif

Objektif kajian yang hendak dicapai adalah seperti berikut:

i. Mengkaji latar belakang bermulanya hubungan antara Tanah Melayu (Malaysia) dan Mesir.

ii. Menganalisis hubungan Malaysia-Mesir di era Tunku Abdul Rahman seiring dengan kemuncak sindrom Perang Dingin.

---

[9] Kenneth N. Waltz, 1993, "The Emerging Structure of International Politics", *International Security*, **18**(2):44-79.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

iii. Menilai kepentingan dan keperluan negara Malaysia untuk terus mengekalkan hubungannya dengan Mesir era 1957-1970.

iv. Menentukan sejauhmana pengaruh struktur politik antarabangsa Perang Dingin mempengaruhi tatacara dan pilihan dasar luar Malaysia-Mesir berbanding dengan faktor domestik iaitu kepentingan 'unit-level'.

## 1.3 Pendekatan Teori

Bagi memahami tatacara dan corak hubungan Malaysia-Mesir era 1957-1970, tesis ini memerlukan analisis daripada perbahasan teori Realisme Neo-Klasik yang menggabungkan kepentingan struktur sistemik dan pembolehubah *'intervening'* iaitu elemen domestik dalam menjelaskan hubungan kedua-dua negara era Tunku Abdul Rahman. Perspektif ini merujuk kepada pengaruh struktur sistemik Perang Dingin yang *'rigid'* terhadap tatacara Malaysia dan Mesir sebelum tahun 1960-an. Bermula pertengahan tahun 1960-an, pengaruh struktur sistemik dilihat semakin berkurangan sehingga memberikan peluang kepada negara-negara dalam sistem antarabangsa, khususnya Malaysia dan Mesir untuk melaksanakan pilihan dasar luar negara masing-masing. Pembolehubah *'Intervening'* atau elemen domestik menjelaskan autonomi yang dimiliki oleh kedua-dua negara dalam tempoh tersebut. Justeru, tesis ini akan melihat kepada kajian-kajian lepas yang ada (sumber data empirikal), terutamanya dalam konteks hubungan Malaysia-Mesir ataupun hubungan Malaysia dengan negara-negara yang lain dalam menentukan elemen-elemen yang seringkali menghiasi hubungan antara negara-negara membangun. Sebagaimana yang diketahui bahawa antara sarjana hubungan antarabangsa yang banyak membincangkan tentang pengaruh struktur politik antarabangsa atau yang berkaitrapat dengan Perang Dingin adalah Kenneth Waltz. Waltz (1979) dalam bukunya yang bertajuk *Theory of International Politics* telah memperkenalkan suatu pendekatan teori yang memfokus kepada struktur anarki politik antarabangsa dan implikasinya terhadap hubungan antara negara-negara.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Teori ini yang juga kemudiannya lebih dikenali sebagai Neo-Realisme mempunyai pandangan bahawa struktur politik antarabangsa yang bersifat anarki mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tatacara dan hubungan antara negara-negara di persada politik antarabangsa. Bagi Waltz, struktur anarki ini telah mewujudkan satu rangkaian hubungan-interaksi antara negara yang bersifat setara (*uniformity*) demi memelihara pengaruh autonomi masing-masing. Namun, terciptanya bentuk hubungan ini masih juga bergantung sepenuhnya kepada tahap kekuasaan dan kadar keupayaan (*relative power*) sesebuah negara. Contohnya, negara-negara berkuasa besar akan berusaha untuk menyeimbangkan tahap kuasa dan pengaruh sesama mereka (seperti era bipolar ataupun Perang Dingin). Manakala, negara-negara yang lemah pula akan menjalin hubungan akrab dengan mana-mana kuasa besar yang ada. Maka di sinilah terbatasnya kuasa dan pilihan sesebuah negara yang lemah dalam menentukan halatuju dasar luar dan corak hubungan yang mereka idamkan.

Namun, kajian ini cenderung menyangkal andaian Waltz terhadap pengaruh struktur sistemik yang '*rigid*' dalam menentukan tatacara Malaysia dan Mesir khususnya di era pimpinan Tunku Abdul Rahman. Hal ini kerana, kedua-dua negara dilihat masih berupaya mengadakan hubungan demi untuk memenuhi kepentingan negara atau keperluan domestik masing-masing walaupun berada dalam era kemuncak Perang Dingin. Oleh itu, tesis ini memerlukan kerangka teori yang boleh mengakomodasikan pengaruh sistemik dan domestik bagi menjelaskan hubungan Malaysia-Mesir era 1957-1970. Teori yang dilihat mampu menjelaskan tentang kajian ini adalah teori Realisme Neo-Klasik yang menggabungkan pembolehubah luaran dan dalaman bagi menjelaskan tentang tatacara negara-negara dalam sistem antarabangsa. Teori ini dilihat Realis kerana mengandaikan bahawa dasar luar sesebuah negara adalah bergantung kepada kedudukan dan keupaan fizikal negara tersebut dalam sistem antarabangsa. Walau bagaimanapun, keupayaan kuasa yang dimiliki tidak menjamin keputusan dasar luar yang dibuat kerana pengaruh sistemik hanya dapat dilihat dengan adanya pembolehubah '*intervening*' di peringkat negara. Oleh yang demikian, teori ini dilihat pula sebagai Realisme Neo-Klasik.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Di samping itu, teori ini turut menjelaskan bahawa keupayaan kuasa material yang dimiliki akan menentukan parameter dasar luar sesebuah negara namun tidak berupaya menjelaskan tatacara negara disebabkan tidak terdapat *'transmission belt'* yang dapat menjelaskan perkaitan antara keupayaan material tersebut dengan perlaksanaan dasar luar negara dalam sistem antarabangsa.[10] Ini membawa maksud, teori ini tidak menafikan kepentingan struktur sistemik, tetapi turut melihat peranan pembuat dasar negara dalam menentukan kepentingan dan dasar luar negara yang akhirnya dapat menjelaskan tatacara dan hubungan antara negara dalam sistem antarabangsa. Sehubungan dengan itu juga, teori ini turut memfokus kepada 'pasang-surut' tahap ketegangan *(pressure)* di peringkat struktur sistem berdasarkan kepada setiap keputusan yang diambil oleh kuasa besar dalam membentuk suasana persekitaran antarabangsa seperti yang diingini. Sekiranya tahap ketegangan *(pressure)* berada pada tahap yang tinggi, maka negara-negara dalam sistem antarabangsa akan cenderung dipengaruhi oleh struktur sistemik tersebut. Namun, jika negara tidak bertindak seperti yang dikehendaki oleh struktur sistemik, maka keadaan ini menyatakan bahawa wujudnya faktor *'intervening'* yang dirujuk sebagai elemen domestik dalam keadaan-keadaan tertentu iaitu apabila tahap ketegangan *(pressure)* adalah reda.[11] Keadaan ini seterusnya memberikan 'kelonggaran' kepada negara-negara untuk mengadakan hubungan atau menentukan halatuju dasar luar masing-masing tanpa dipengaruhi oleh struktur sistemik.

Bagi menjelaskan tentang pembolehubah *'intervening'* iaitu elemen domestik, kupasan akan lebih menjurus kepada perbahasan pembentukan dasar luar negara Dunia Ketiga atau sedang membangun yang sudah tentunya banyak tertumpu kepada peranan kepimpinan, (Saravanamuttu, 1983) tuntutan keperluan domestik yang berdasarkan kepada data empirikal (Korany, 2005) dan juga pengaruh struktur dan sistem politik antarabangsa (Sprout dan Sprout, 1965 & Korany, 1984). Walau bagaimanapun, bagi tesis ini, tumpuan akan lebih banyak

---

[10] Gideon Rose, 1998, "Neoclassical Realism and Theories of Foreign Policy", *World Politics,* **51**(1):144-172.

[11] Lai Yew Meng, 2008, "Nationalism and Power Politics in Japan's Relations with China, A Neoclassical Realist Interpretation", Tesis Sarjana Kedoktoran, University of Warwick, Department of Politics and International Studies, hlm. 53.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

diberikan kepada tuntutan keperluan domestik berdasarkan kepada data empirikal hubungan Malaysia-Mesir yang menyebabkan kepimpinan Tunku Abdul Rahman berusaha keras untuk terus memelihara hubungan baik kedua-dua buah negara.

## 1.4 Sorotan Literatur

Perbincangan dalam bahagian sorotan literatur ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menilai perkembangan teori Realisme Neo-Klasik dan Perang Dingin (dalam konteks Realisme Neo-Klasik). Bahagian kedua pula akan menjelaskan secara khusus tentang pembolehubah *'intervening'* yang dijelaskan dalam teori Realisme Neo-Klasik dalam konteks dasar luar Malaysia-Mesir dan beberapa kajian lepas berhubung dengan tatacara dan hubungan Malaysia-Mesir serta hubungan negara-negara membangun yang lain melibatkan kedua-dua negara ini. Sorotan literatur penting bagi memberikan gambaran dan panduan dalam menyiapkan proses penulisan tesis ini.

Antara sorotan literatur yang membincangkan tentang Realisme Neo-Klasik sudah semestinya lebih banyak tertumpu kepada perbahasan oleh Gideon (1998). Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Gideon berpendapat bahawa struktur politik antarabangsa yang bersifat anarki telah mempengaruhi tatacara, bentuk hubungan dan dasar luar sesebuah negara terhadap negara yang lain. Di samping itu, ia turut melihat akan kepentingan elemen domestik dalam penggubalan dasar luar sesebuah negara walaupun dipengaruhi oleh struktur sistemik. Dalam konteks kajian tesis ini, perbahasan Gideon telah menyediakan satu lanskap penting bagi memahami latarbelakang awal hubungan Malaysia-Mesir terutamanya dalam konteks pertembungan ideologi Perang Dingin. Karya-karya lain yang turut membincangkan teori Realisme Neo-Klasik adalah seperti Schmidt (2005), Taliaferro (2007), Lai (2008) dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, kajian sorotan literatur terhadap teori atau perspektif lain yang menyentuh tentang struktur politik antarabangsa dan elemen domestik (identiti dan kepentingan bersama) seperti Neo-Realisme, Neo-Liberalisme dan Kontsruktivisme juga diberikan perhatian dalam kajian ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Untuk sorotan literatur perspektif dasar luar Dunia Ketiga dan data empirikal bagi tuntutan keperluan domestik dalam hubungan Malaysia-Mesir, kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa karya lepas yang berkaitrapat dengan tujahan dan fokus utama tesis ini. Bagi perspektif dasar luar Dunia Ketiga, karya-karya seperti Levi (1970), Korany (1984, 1986 & 2005), Sobri Sudin (2001) dan Hey (2003) telah memberikan suatu penjelasan yang baik dalam hal penggubalan dasar luar Dunia Ketiga (walaupun Levi tidak membincangkan secara khusus). Manakala, untuk pembentukan dasar luar Malaysia pula, tulisan oleh Ott (1972), Saravanamuttu (1983), Ruhanas Harun (2006), Faridah Jaafar (2007) dan lain-lain lagi sedikit sebanyak telah dapat mengenalpasti elemen atau faktor terpenting dalam proses penggubalan dasar luar Malaysia dalam sistem politik antarabangsa. Tidak dinafikan juga bahawa kebanyakan perbincangan lebih ditumpukan kepada elemen dan faktor kepimpinan dalam penggubalan dasar luar Malaysia.

Seterusnya, bagi kajian lampau tentang hubungan Malaysia-Mesir, ini perlu diakui bahawa tidak terdapat banyak penyelidikan dibuat tentang kajian kes tesis ini. Namun demikian, beberapa kajian seperti Mohammad Redzuan Othman (1994), Selim (2003) dan Nazirah Lee (2006) boleh dianggap sebagai antara kajian yang dapat membantu penulis dalam mengenali tatacara dan hubungan Malaysia-Mesir. Namun demikian, ketiga-tiga penulisan ini tidak mencakupi skop kajian penulis sepenuhnya. Ini kerana kajian Mohammad Redzuan Othman adalah sekitar dari tahun 1880 hingga 1940 sahaja dan karya Selim pula hanya memberi perhatian kepada hubungan kontemporari merujuk kepada penghujung 1990-an. Manakala, tulisan Nazirah Lee lebih banyak terfokus kepada pengaruh agama dan kesusasteraan Arab di Tanah Melayu terutamanya di sekitar abad ke-20. Oleh yang demikian, untuk memenuhi keperluan data empirikal, penulis banyak bergantung kepada sumber data primer seperti dokumen kerajaan dari Arkib Negara Malaysia dan juga temubual dengan beberapa individu yang berkaitan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Di sebalik terhadnya karya-karya lepas yang menumpukan kepada hubungan Malaysia-Mesir, kajian ini juga menganalisis hasil karya yang lain melibatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara lain bagi memperkayakan lagi pemahaman dan analisis tatacara dan bentuk hubungan Malaysia dengan negara-negara Dunia Ketiga khasnya. Karya-karya tersebut termasuklah Ruhanas Harun ed. (2006) yang membincangkan antara lain hubungan Malaysia dengan Indonesia, Ahmad Faiz Abdul Hamid (2005) memfokus kepada hubungan Malaysia dengan Kerjasama Selatan-Selatan, Asmady Idris dan Mohd. Shauki (2007) menyentuh tentang hubungan Malaysia dengan Arab Saudi dan lain-lain lagi.

## 1.5 Metod Kajian

